

Penilaian Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah Muzik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Untuk Melahirkan Pemuzik Yang Kompeten

Baharin Baharom, Yessy Octavia Misdi, Mahayuddin Abdul Rahim dan Mohd Nizam Nasrifan
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Abstrak: Pancaragam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah memulakan operasinya sejak tahun 1964 untuk melahirkan pemuzik yang mampu bermain alat muzik. Kajian ini dilakukan untuk mendapatkan pandangan pemuzik TLDM terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di Sekolah Pengajian Pengurusan Muzik (SPPM), KD Pelandok. Kerangka konseptual kajian ini terhasil daripada salah satu komponen daripada Model CIPP (Context, Input, Process and Product) iaitu penilaian proses. Kaedah pengumpulan data adalah tinjauan menggunakan borang soal selidik melibatkan 148 pemuzik TLDM. Hasil mendapati SPPM, KD Pelandok menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran melalui dua kaedah iaitu secara dua hala dan amali. Pengajaran dan pembelajaran secara dua hala bermaksud memberi peluang kepada pemuzik mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran secara aktif, menggalakkan pemuzik menggunakan kreativiti dan inovasi mereka dalam penghasilan projek, menggunakan pelbagai sumber bahan pengajaran dan pembelajaran agar pemuzik lebih memahami kandungan pelajaran, menggalakkan pemuzik melakukan proses penyelesaian masalah dalam mencari keputusan dan membahagikan pemuzik kepada beberapa kumpulan mengikut kebolehan atau pelbagai kebolehan dalam menyelesaikan modul pembelajaran. Kaedah pengajaran berasaskan amali adalah memberi fokus kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan amali dan projek, mendedahkan pemuzik dengan aktiviti kerja di luar kawasan sekolah dan menunjukkan demonstrasi di hadapan pemuzik terlebih dahulu sebelum pemuzik memulakan aktiviti amali.

Kata kunci: *Muzik, Pancaragam, Tentera Laut Diraja Malaysia, Model CIPP*

PENGENALAN

Perkembangan muzik dalam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bermula apabila terbentuknya Pancaragam Pusat TLDM pada tahun 1964 di Pangkalan TLDM, Woodlands, Singapura. Pada awal penubuhannya, Pancaragam Pusat TLDM hanya dianggotai oleh 27 anggota Pancaragam (PGM). Anggota-anggota ini adalah terdiri daripada anggota TLDM daripada pelbagai kepakaran yang diserap masuk ke pasukan pancaragam kerana minat mereka terhadap muzik. Pada tahun 1984 Pancaragam Pusat TLDM telah dipindahkan ke Pangkalan TLDM, Lumut, Perak. Sehingga tahun 1994, Pancaragam Pusat TLDM menerima pendidikan secara formal di Pusat

Latihan Muzik Tentera Darat, Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Demi memastikan kelestarian Pancaragam Pusat TLDM, pada tahun 1995, Sekolah Pengajian Pengurusan Muzik (SPPM), KD PELANDOK telah diwujudkan bagi melatih semua kepakaran PGM. Jurulatih sekolah ini dipinjam daripada Pancaragam Pusat TLDM. SPPM KD PELANDOK terus berkembang dan pada 26 Ogos 2008 perjawatan rasmi anggota PGM telah diluluskan dan diletakkan di bawah pentadbiran Fakulti Bekalan dan Pengurusan, KD PELANDOK [1]. Sejajar dengan kelulusan perjawatan baru bagi kepakaran PGM maka perkembangan muzik dalam TLDM terus bertumbuh dengan penubuhan Pancaragam KD SULTAN ISMAIL, Brass Band KD

Corresponding Author: Baharin Baharom, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia, baharin_baharom@yahoo.com.my

PELANDOK dan Badan Kesenian TLDM. (Laporan Lembaga Gabenor Pendidikan dan Latihan TLDM, 2014).

Menurut Ketua Sekolah Musik SPPM, semenjak SPPM diwujudkan, tiada sebarang penilaian dilakukan terhadap proses pengajaran dan pembelajarannya. Mereka hanya menjalankan proses tersebut berdasarkan kurikulum yang telah ditetapkan oleh Standard Kompetensi Tentera Laut [2]. SKTL diperkenalkan untuk melahirkan pemuzik yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang positif untuk bermain alat muzik.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menjalankan penilaian terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran di SPPM, KD Pelandok. Penilaian adalah berpandukan salah satu elemen, iaitu penilaian proses. Penilaian proses merupakan salah satu elemen dalam Model (Concept-Input-Proses-Produk (CIPP) yang diperkenalkan oleh Stufflebeam pada tahun 1973.

PENGGUNAAN PENILAIAN PROSES DALAM MENILAI PERJALANAN PROGRAM

Model CIPP di perkenalkan oleh Stufflebeam pada tahun 1973. Ia memperkenalkan empat konsep asas iaitu Konteks-input-proses-produk (Context-Input-Process-Product). Model CIPP adalah pendekatan yang digunakan untuk menilai perkhidmatan untuk pengurusan dan pembuat keputusan bagi sebuah institusi. Penilaian konteks bermaksud untuk mengetahui keperluan pada program yang dijalankan untuk kumpulan sasarannya. Ini bermaksud sasaran dan objektif sesuatu program akan terhasil apabila keperluan mereka dapat dipenuhi. Penilaian input merujuk kepada penilaian kekuatan dan kelemahan yang ada dalam sesuatu program. Ia memberi panduan kepada mereka yang membuat penilaian untuk menentukan strategi dan membentuk program yang akan dilaksanakan. Penilaian proses merujuk kepada proses melihat dengan lebih mendalam strategi dan prosedur yang sedang digunakan dalam pelaksanaan program dari masa ke semasa. Ini membawa maksud sasaran penilaian proses adalah untuk melakukan modifikasi jika program yang dijalankan tidak ataupun kurang berkesan. Penilaian produk pula dilakukan untuk mengukur sama ada sesuatu program mencapai sasaran ataupun objektif yang disasarkan. [3].

Oleh sebab kajian ini hanya melihat kepada hasil penilaian proses dalam Model CIPP, maka kajian terdahulu juga akan bertumpu kepada hasil penilaian proses. Rolle [4] menyatakan pelajar kini mahu terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pelajar perlu diberi peluang membuat keputusan berhubung dengan tema dan kandungan pembelajaran. Sekolah menyediakan kurikulum, namun terpulang kepada kreativiti pelajar menterjemahkan kebolehan mereka bermain muzik. Edgar [5] menjalankan kajian terhadap pelajar-pelajar muzik di Kolej Lake Forest. Beliau mendapati perhatian individual perlu diberikan kepada pelajar. Jurulatih perlu menyediakan ruang di dalam hatinya bahawa beliau mengambil berat kepada pelatihnya. Hubungan ini seharusnya membolehkan pelatih berkongsi sebarang masalah pembelajaran yang dihadapinya. Rahman dan Rosidi [6] mendapati penilaian proses membolehkan beliau melihat perkembangan sesuatu inovasi untuk mengenal pasti kebaikan dan kelemahan inovasi. Beliau menjalankan kajian implementasi e-Budgeting terhadap Pemerintah Provinsi Daerah Khusus Ibukota Jakarta. Maryone Saija, Marlen Sahureka, Lazarus Kalvein Beay dan Umar Namakule [7] menyatakan penilaian proses adalah petunjuk kepada kejayaan ataupun kegagalan sesuatu program. Ini kerana dengan memperbaiki kelemahan program pada peringkat penilaian proses, ia memberi peluang untuk penambahbaikan program. Ari Roosdhiana Aziz [8] mendapati penilaian proses membolehkan SD Negeri 2 Jangkrikan memahami kejayaan program *The Goal Approach*. Program ini bertujuan meningkatkan kebolehan membaca pelajar diawal persekolahan.

Secara amnya penilaian proses membolehkan organisasi memahami kekuatan dan kelemahan program/projek yang dilaksanakan. Ia membantu dalam proses penambahbaikan program/projek.

KAEDAH KAJIAN

Pengkaji memilih untuk menggunakan reka bentuk campuran berjujukan (explanatory sequential design). Dalam kajian ini, rekabentuk kajian bermula dengan penggunaan pendekatan kuantitatif dahulu; iaitu menerusi kaedah tinjauan bagi mengumpulkan data primer dari sekumpulan subjek kajian, dan kemudiannya menggunakan teknik atau metod kualitatif; iaitu temubual bersemuka mendalam bagi mengeksplorasi dengan lebih mendalam dan terperinci

dapatan-dapatan kuantitatif yang menonjol (outliers) yang difikirkan perlu diteliti dengan lebih mendalam. Pemilihan sampel kajian ini adalah secara bertujuan kerana hanya terdapat 148 pemuzik dalam TLDM. Pengkaji mengambil keseluruhan populasi sebagai sampel kajian. Mereka ini bertugas di Pangkalan TLDM, Lumut, Perak dan KD Sultan Ismail, Tanjung Pengelih, Johor. Teknik Pengumpulan Data adalah Edaran Borang Soal Selidik Kepada Sampel dan Temubual bersemuka mendalam (*in-depth face to face interview*). Instrumen soal selidik diproses dengan menggunakan perisian IBM SPSS Statistics 23 dan data dianalisis mengikut format yang ditetapkan mengikut soalan kajian. Dalam kajian ini statistik deskriptif seperti kekerapan dan peratusan digunakan bagi menganalisis pemboleh ubah yang terlibat. Soal selidik menggunakan skala Likert yang mengukur tahap persetujuan, kekerapan dan keberkesanan. Manakala bagi data temu bual pula, pengkaji memulakannya dengan membuat transkrip bagi temu bual yang telah dijalankan. Setiap temu bual dengan responden kajian yang direkodkan telah dipindahkan kepada bentuk tulisan untuk dianalisis. Walau bagaimanapun, dalam artikel ini, pengkaji hanya memaparkan hasil analisis data kuantitatif.

DAPATAN KAJIAN

Penilaian Proses (*Process Evaluations*)

1. Pengajaran dan pembelajaran secara dua hala

Terdapat lima pernyataan yang diberikan kepada responden berhubung dengan pengajaran dan pembelajaran secara dua hala. Pernyataan pertama adalah sesi pengajaran dan pembelajaran memberi peluang kepada pemuzik mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran secara aktif. Seramai 87.8 peratus responden bersetuju dan 12.2 peratus responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Kedua adalah pernyataan sesi pengajaran dan pembelajaran menggalakkan pemuzik menggunakan kreativiti dan inovasi mereka dalam penghasilan projek. Seramai 75.7 responden bersetuju dan 24.3 responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Pernyataan ketiga adalah jurulatih membahagikan pemuzik kepada beberapa kumpulan mengikut kebolehan atau pelbagai kebolehan dalam menyelesaikan modul pembelajaran. Seramai 64.2 peratus responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini. 35.1 responden pula bersetuju dengan pernyataan ini manakala 0.7 peratus responden tidak pasti terhadap perkara ini. Pernyataan keempat adalah jurulatih

menggunakan pelbagai sumber bahan pengajaran dan pembelajaran agar pemuzik lebih memahami kandungan pelajaran. Seramai 85.8 peratus responden bersetuju dan 14.2 peratus responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Pernyataan ke lima adalah jurulatih menggalakkan pemuzik melakukan proses penyelesaian masalah dalam mencari keputusan. Bagi pernyataan ini, terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan responden. Seramai 33.1 peratus responden tidak pasti akan perkara ini. 30.4 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini. 30.4 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ini dan 6.1 peratus responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini.

Jadual 1 : Pengajaran dan pembelajaran secara dua hala

Pernyataan	ST	TS	TP	S	SS
	S	P	P	P	P
Memberi peluang kepada pemuzik mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran secara aktif.	-	-	-	87.8	12.2
Menggalakkan pemuzik menggunakan kreativiti dan inovasi mereka dalam penghasilan projek.	-	-	-	75.7	24.3
Jurulatih membahagikan pemuzik kepada beberapa kumpulan mengikut kebolehan atau pelbagai kebolehan dalam menyelesaikan modul pembelajaran.	-	-	0.7	35.1	64.2
Jurulatih menggunakan pelbagai sumber bahan pengajaran dan pembelajaran agar pemuzik lebih memahami kandungan pelajaran.	-	-	-	85.8	14.2
Jurulatih menggalakkan pemuzik melakukan proses penyelesaian masalah dalam mencari keputusan.	-	30.4	33.1	30.4	6.1

Petunjuk : 1 = Sangat Tidak Setuju (STS), 2 = Tidak Setuju (TS), 3 = Tidak Pasti (TP), 4 = Setuju (S), 5 = Sangat Setuju (SS)

Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas berhubung dengan kelima-lima pernyataan di Jadual 1. Pengkaji turut menemubual beberapa responden bagi mendapatkan penjelasan mereka berhubung dengan penilaian mereka.

“Pembelajaran disini memberi peluang kepada kami untuk bersama-sama memberikan pendapat kami. Kami diberikan peluang untuk menunjukkan kebolehan dan bakat kami. Berhubung dengan pernyataan kelima berkaitan dengan penyelesaian masalah, sebenarnya ia lebih kepada perbincangan agar masalah dapat diselesaikan.”

Responden A

“Bagi memudahkan proses pembelajaran, kami dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Pada pendapat saya, ia kaedah yang baik kerana kami dapat membincangkan masalah. Mudah juga untuk kami memahami kaedah bermain muzik. Berhubung dengan kepercayaan membuat keputusan, kami selalu diberi peluang untuk memberikan pendapat kami. Jika jurulatih merasakan pendapat kami betul, maka jurulatih akan menggunakan buah fikiran kami.”

Responden B

“Jurulatih menggunakan pelbagai kaedah untuk memastikan kami memahami muzik dengan lebih baik. Kami mampu menulis dan membaca nota muzik walaupun sebelum ini saya langsung tidak mempunyai latar belakang bermain muzik.”

Responden C

2. Pengajaran dan pembelajaran berasaskan amali

Terdapat tiga pernyataan yang diberikan kepada responden berhubung dengan kaedah pengajaran berasaskan amali. Pernyataan pertama adalah jurulatih menunjukkan demonstrasi di hadapan pemuzik terlebih dahulu sebelum pemuzik memulakan aktiviti amali. Seramai 66.2 peratus responden bersetuju dan 33.8 peratus responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Pernyataan kedua adalah jurulatih memberi fokus kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan amali dan projek. Seramai 80.4 peratus responden bersetuju dan 19.6 peratus responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Pernyataan ketiga adalah jurulatih mendedahkan pemuzik dengan aktiviti kerja di luar kawasan sekolah. Seramai 92.6 peratus responden

bersetuju dan 7.4 responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini.

Jadual 2: Pengajaran dan Pengajaran Berasaskan Amali

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS
	P	P	P	P	P
Jurulatih menunjukkan demonstrasi di hadapan pemuzik terlebih dahulu sebelum pemuzik memulakan aktiviti amali.	-	-	-	66.2	33.8
Jurulatih memberi fokus kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan amali dan projek.	-	-	-	80.4	19.6
Jurulatih mendedahkan pemuzik dengan aktiviti kerja di luar kawasan sekolah.	-	-	-	92.6	7.4

Petunjuk: 1 = Sangat Tidak Setuju (STS), 2 = Tidak Setuju (TS), 3 = Tidak Pasti (TP), 4 = Setuju (S), 5 = Sangat Setuju (SS)

Pengkaji juga menemubual beberapa responden untuk mendapatkan maklum balas mereka berhubung dengan Pengajaran dan pembelajaran berasaskan amali.

“Sebenarnya kami banyak belajar daripada pengalaman semasa membuat persembahan. Boleh dikatakan setiap minggu kami akan diberikan peluang membuat persembahan. Ini umpama latihan amali buat kami.”

Responden D

“Kami sering diberi peluang mengikuti latihan dengan agensi luar TLDM. Walau pun singkat, tetapi cukup buat kami. Saya sendiri pernah mengikuti latihan amali selama seminggu di London. Tapi ni semua kita kena minta dan tunjukkan kecemerlangan kita.”

Responden E

“Mengikuti latihan amali lebih baik daripada kami hanya didedahkan kepada teori-teori berkaitan dengan muzik. Latihan amali membolehkan kami belajar secara hands on.”

Responden F

PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan untuk menilai proses pengajaran dan pembelajaran dalam SPPM, KD Pelandok. Hasil kajian mendapati proses tersebut mendapat sambutan yang positif dalam kalangan responden. Rata-rata responden memberikan penilaian pada tahap setuju dan sangat setuju bagi setiap pernyataan yang diberikan kepada mereka. Keadaan ini membuktikan bahawa walaupun seseorang anggota tentera yang dilantik tanpa latar belakang muzik tetapi masih mampu bermain alat muzik. Ia hasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran secara dua hala dan juga latihan amali berbentuk *hands on*. Walaupun pengkaji terdahulu seperti [4][5] menjalankan kajian pada kumpulan sasar yang berbeza, namun hasil kajian menunjukkan bahawa penilaian proses mampu menunjukkan kekuatan dan kelemahan sesuatu program. Proses ini membolehkan penambahbaikan dilakukan terhadap sesuatu program.

Kajian ini mendapati terdapat percanggahan pendapat berhubung dengan pernyataan bahawa jurulatih menggalakkan pemuzik melakukan proses penyelesaian masalah dalam mencari keputusan. Sistem pendidikan muzik dalam TLDM walaupun dilihat berlaku secara rejimental tetapi rata-rata responden tidak merasakan perkara ini mendatangkan masalah kepada mereka. Mereka berpendapat keadaan ini tidak membebankan kerana proses pengajaran dan pembelajaran secara dua hala membolehkan mereka berbincang sehingga mencapai kata sepakat.

KESIMPULAN

Secara ringkasnya, kajian ini membantu SPPM, KD Pelandok mengetahui kekuatan dan kelemahan program. Kajian boleh digunakan sebagai panduan kepada penambahbaikan program terutama berkaitan dengan memberikan kebenaran kepada mereka yang mengikuti program. Penilaian ini boleh dijadikan garis panduan kepada TLDM dalam membuat keputusan untuk kemajuan program pendidikan muzik TLDM.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan ribuan terima kasih kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terutama TLDM kerana telah menaja pengajian pengkaji sehingga berjaya terhasilnya kajian ini.

RUJUKAN

- [1] Anonymous. 2008. Waran Perjawatan Bil. K103
- [2] Anonymous. 2013. Buku Standard Kompetensi Tentera Laut (SKTL).
- [3] Stufflebeam, D.L. 2005. CIPP model (context, input, process, and product). Thousand Oaks, CA: Sage.
- [4] Rolle, C. 2017. What Is Right? What Is Wrong? Music Education In A World Of Pluralism And Diversity. *Philosophy of Music Education*. 25(1).87-99.
- [5] Edgar. 2018. Attracting the Next Generation of Music Educators: A Case Study of Music Education Institutional Recruiting Practices. *Contributions to Music Education*. 43. 19-37.
- [6] Rahman dan Rosidi. 2018. Analisis Implementasi E-Budgeting Dengan Menggunakan Model Cipp Pada Pemerintah Provinsi Daerah Khusus Ibukota Jakarta. *Jurnal Sistem Informasi*. 14(2). 53-63.
- [7] Maryone Saija, Marlen Sahureka, Lazarus Kalvein Beay dan Umar Namakule. 2019. Keefektifan Program Pembelajaran Kimia Dasar : Evaluasi Model CIPP Pada Jurusan MIPA STKIP Gotong Royong Masohi. *Jambura Journal of Educational Chemistry*, 1(2), 57-62.
- [8] Ari Roosdhiana Aziz. 2016. Evaluasi Pembelajaran Membaca Permulaan Di Sd Negeri 2 Jangkrikan Wonosobo Menggunakan Model Evaluasi CIPP. *E-Jurnal Prodi Teknologi Pendidikan*. 5(7). 258-264.